

‘Pengurusan Tanah Rizab Melayu Selangor tak cekap’

Penilaian output prestasi sehingga Disember 2021, sasaran keluasan belum dicapai

Shah Alam: Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) mengenai Aktiviti Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2020 Siri 1 mendapati Pengurusan Tanah Rizab Melayu (TRM) di Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Selangor secara keseluruhannya, dirumuskan kurang cekap dan berkesan.

Ketua Audit Negara, Datuk Seri Nik Azman Nik Abdul Majid, berkata penilaian output berdasarkan prestasi keseluruhan TRM sehingga Disember 2021 menunjukkan sasaran keluasan TRM seperti yang ditetapkan oleh Wasiat Raja-Raja Melayu belum dicapai, iaitu 20.5 peratus berbanding 50 peratus yang disasarkan.

Prestasi pembatalan dan penggantian TRM juga menunjukkan 1,881.80 hektar atau 42.5 peratus keluasan TRM belum diganti setakat Disember 2021.

Inisiatif yang dilaksanakan oleh Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor bagi pembangunan TRM selaras dasar Rancangan Struktur Negeri 2035 adalah tidak menyeluruh bagi manfaat orang Melayu.

“Selain itu, Jawatankuasa Khas Pengurusan dan Penggantian TRM yang diwujudkan juga tidak pernah membincangkan secara khusus berkenaan TRM yang berpotensi dimajukan pada masa hadapan serta inisiatif usaha sama bagi menggalakkan pembangunan TRM,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Objektif belum tercapai

Secara keseluruhannya, Nik Azman berkata, skop pengauditan terhadap Akademi PKNS Sdn Bhd (APSB) mendapat objektif penubuhan akademi itu belum tercapai sepenuhnya kerana peranan sebenar APSB ketika ini tidak selari dengan objektif penubuhan, di samping pengurusan hasil serta perbelanjaan yang lemah.

“Tadbir urus korporat syarikat memuaskan, namun empat dari sembilan aspek tadbir urus korporat yang diaudit tidak diamalkan sepenuhnya.

“Selain itu, kedudukan keuangan APSB kurang stabil kerana mengalami peningkatan trend kerugian pada 2020 dan 2021.

“Kedudukan aset syarikat masih mampu menampung liabiliti jangka pendeknya dan aliran tunai serta kesetaraan tunai APSB berbaki positif dalam tempoh tiga tahun yang dinilai. Bagaimanapun, wujud trend penurunan aliran tunai dari tahun ke tahun seterusnya,” katanya.

Bagi Program Pembangunan Usahawan di Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Nik Azman berkata, secara kes-

Inisiatif yang dilaksanakan oleh Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor bagi pembangunan TRM selaras dasar Rancangan Struktur Negeri 2035 adalah tidak menyeluruh bagi manfaat orang Melayu

**Nik Azman Nik Abdul Majid,
Ketua Audit Negara**



luruhannya dapat dirumuskan UPEN memenuhi peranannya sebagai agensi utama dalam program pembangunan usahawan.

LKAN boleh diakses oleh orang awam menerusi laman web <http://www.audit.gov.my>. BERNAMA